

Rakyat berfikiran pelabur kurang: PM

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Sebahagian besar rakyat negara ini belum mempunyai pemikiran sebagai pelabur walaupun memberi sambutan menggalakkan terhadap saham terbitan awam sejak kebelakangan ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berkata beliau bimbang mereka yang melabur hanya mahu mendapat keuntungan jangka pendek dengan menjual saham apabila harganya melambung naik.

"Saya bimbang mereka bukan benar-benar berminat dengan saham sebaliknya hanya berfikir jika harga saham naik pada hari pertama, ke-

dua atau seminggu kemudian, mereka boleh menjualnya untuk mendapat keuntungan segera.

"Pemikiran sebagai pelabur masih belum wujud di kalangan mereka," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas sambutan hangat orang ramai terhadap saham terbitan awam seperti Hicom Holding Bhd dan Pertronas Dagangan Bhd.

MIDF Consultancy and Corporate Services Sdn Bhd (MIDFCCS) terpaksa memindahkan pusat pungutan permohonan terbitan saham Hicom Holding Bhd yang dihantar secara persendirian dari Bangunan MIDF di Jalan Tun Razak, ke tempat letak

kereta Stadium Merdeka.

Terdahulu, Dr Mahathir menghadiri taklimat tertutup dan jamuan makan tengah hari Kumpulan Industri Malaysia dan Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dan Kumpulan Perundingan Komanwel Mengenai Pengurusan Teknologi - Kerjasama Sektor Swasta (CPSP).

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Datuk Dr Omar Abdul Rahman yang juga Pengerusi Bersama MIGHT.

Dr Mahathir bagaimanapun mengakui fenomena yang wujud sekarang membuktikan keyakinan rakyat terhadap kegiatan perni-

agaan dan pelaburan.

Mengenai pembukaan projek Lebuh raya Utara-Selatan (Plus) di Perak mulai hari ini, Perdana Menteri gembira kerana projek itu dapat disiapkan setahun lebih awal daripada jadual.

Menurutnya, pembukaan lebuh raya itu memberi peluang kepada syarikat itu mendapat pulangan lebih awal melalui kutipan tol dan cukai yang boleh dimanfaatkan rakyat.

"Kerajaan mahu lebih banyak pihak (syarikat) bersikap agresif seperti Plus," katanya.

Perdana Menteri berkata, pembinaan lebuh raya itu juga membuktikan program penswas-

taan yang dilaksanakan kerajaan membawa banyak manfaat kepada rakyat serta syarikat yang terbit dalam sesuatu projek.

"Kerajaan suka kalau mereka (Plus) boleh membuat keuntungan yang banyak kerana keuntungan itu akan dikenakan cukai. Kita akan membelanjakannya untuk faedah rakyat. Jadi rakyat tidak akan rugi," katanya.

Sabtu lalu Anwar merasmikan pembukaan lebuh raya dari Changkat Jering ke Butterworth sejauh 80 kilometer manakala Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah merasmikan fasa terakhir laluan itu dari Tapah ke Gopeng sejauh 30.4 kilometer, hari ini.